

Headline **Peluang si cilik ke Olimpik**
Date **09. Feb 2008**
Media Title **Harian Metro**
Section **Variasi**
Circulation **172903**
Readership **605160**

Language **MALAY**
Page No **12**
Article Size **468** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**



Peluang si cilik ke Olimpik

McDonald's Champion Kids cari tiga kanak-kanak berbakat wakili negara ke Beijing

>>Oleh **Fairul Asmalni Mohd Pilus**
asmalni@hmetro.com.my

PELUANG untuk melihat sendiri aksi menarik di kejohanan sukan terulung dunia seperti Sukan Olimpik, boleh diibaratkan bagai bulan jatuh ke riba.

Mana tidaknya, kejohanan berprestij yang diadakan setiap empat tahun itu hanya diwakili atlet terbaik dunia dalam setiap acara dan menjanjikan pengalaman menarik.

Bagi kanak-kanak di negara ini yang berumur antara tujuh hingga 14 tahun, mereka berpeluang memenangi hadiah menarik iaitu lawatan ke Sukan Olimpik Beijing, menerusi program McDonald's Champion Kids.

Pengarah Urusan McDonald's Malaysia, Azmir Jaafar, berkata pihaknya mencari tiga kanak-kanak berbakat yang memenuhi kriteria yang ditetapkan untuk mewakili negara bagi menyertai 300 pemenang dari seluruh dunia ke Sukan Olimpik Beijing, China, Ogos ini.

Menurut Azmir, program yang pertama kali dianjurkan McDonald's itu memberi peluang kepada kanak-kanak untuk merasai sendiri pengalaman menarik berada di acara kemuncak sukan terulung dunia berkenaan.

Pertandingan McDonald's Champion Kids selaras dengan kempen jenama makanan segera berkenaan untuk

mengalakkan generasi muda menjalani gaya hidup seimbang dan aktif dalam sukan.

"Setiap kanak-kanak perlu membuktikan kualiti badan, minda dan semangat yang dimiliki berdasarkan beberapa ujian iaitu akademik, sukan, mental, pengucapan, ujian lisan serta larian sejauh 1.5 kilometer.

"Ibu bapa jangan ketinggalan untuk membawa anak menjalani pemilihan di tiga lokasi iaitu di ibu negara (30 Mac), Johor Bahru (27 April) dan Pulau Pinang (25 Mei) ini," katanya pada majlis pengumuman yang diadakan di ibu negara, baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Kehormat Majlis Olimpik Malaysia, Datuk Sieh Kok Chi; Naib Presiden Pemasaran, Komunikasi dan Analisis Pemiagaan McDonald's Malaysia, Stephen Chew dan beberapa atlet yang layak ke Sukan Olimpik 2008.

Azmir berkata, tiga pemenang akan menikmati pakej lawatan eksklusif selama empat hari tiga malam ke Beijing, ditemani ibu atau ayah masing-masing dengan semua perbelanjaan ditanggung serta menerima beberapa hadiah sampingan.

Lebih istimewa, pemenang turut berpeluang memasuki perkampungan sukan serta beramah mesra dengan atlet dan melihat sendiri acara yang dipertandingkan di samping dibawa melawat ke beberapa tempat menarik di sekitar bandar raya berkenaan.



CERIA... Azmir (kanan) bersama Sieh (tengah) pada majlis pengumuman pertandingan McDonald's Champion Kids di ibu negara, baru-baru ini.

Menurutnya, pihaknya komited dalam mempromosikan gaya hidup seimbang serta aktif dengan menggalakkan masyarakat terutama kanak-kanak terbahit dalam aktiviti bercorak fizikal.

Program berkenaan juga diadakan bagi meraikan usaha sama jangka panjang McDonald's dengan Jawatankuasa Olimpik Antara-

bangsa sebagai Rakan Rasmi Sedunia sejak 1976.

"Selaras dengan slogan Sukan Olimpik kali ini iaitu Satu Dunia Satu Impian, McDonald's menyeru ibu bapa untuk menghantar anak ke pemilihan berkenaan bagi membantu mereka mencapai impian.

"Untuk menyertainya, ibu bapa hanya perlu menghantar

borang permohonan yang boleh didapati di restoran McDonald's di seluruh negara atau memohon secara dalam talian di laman web www.mcdonalds.com.my/champion-kids dan tarikh tutup penyertaan ialah pada 15 Mac 2008," katanya.

Sementara itu, Sieh berkata, pihaknya berbangga dengan kerjasama erat yang

sudah lama terjalin antara McDonald's dan Majlis Olimpik.

"Program McDonald's Champion Kids ini dapat membantu menanam semangat kesukan dalam diri kanak-kanak di samping memberi inspirasi kepada mereka untuk bersaing merebut tempat mewakili negara ke sukan terulung ini suatu hari nanti," katanya.